

SPR disyor rujuk ketua kampung sahkan pengundi baru

8M - 7 SEP 200

MARAN 6 Sept. — Persatuan Ketua-Ketua Kampung Malaysia mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merujuk ketua-ketua kampung untuk pengesahan pengundi baru dalam senarai daftar pemilih.

Ketua Penaja Persatuan Ketua Kampung Malaysia, Suhaimi Othman berkata, isu pengundi hantu perlu ditangani secara serius kerana boleh memudaratkan sistem demokrasi.

Dalam hal ini katanya, ketua-ketua kampung boleh memainkan peranan mereka untuk mengenal pasti individu di kawasan mereka sama ada yang sudah mendaftar sebagai pemilih atau belum.

“Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu turun padang berjumpa dengan ketua-ketua kampung secara berperingkat-peringkat bagi mendapatkan kerjasama supaya kewibawaan badan itu terpelihara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Suhaimi yang juga Ketua Kampung Sentosa di sini yakin masalah pengundi hantu dapat diatasi

dengan segera jika SPR dan ketua-ketua kampung bekerjasama dalam membanteras gejala buruk ini.

Tambah beliau, SPR perlu kembali kepada landasan asal menggunakan khidmat ketua-ketua kampung sebagai agennya bagi mendaftar pemilih baru di kawasan mereka.

“Peranan cemerlang jabatan kerajaan termasuk parti-parti politik dalam kempen pendaftaran pemilih baru memang diakui tetapi mereka tidak mengenali individu itu,” katanya.

Menurut beliau, pendedahan mengenai pengundi hantu yang di buat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini tepat pada ketikanya bagi menyedarkan banyak pihak mengenai peranan masing-masing.

Suhaimi yang juga Pengerusi Persatuan Ketua Kampung Pahang turut menggesa Jabatan Pendaftaran Negara memastikan mereka yang menukar alamat sebenarnya berpindah bukan bagi tujuan lain.